

Garis Panduan Mengendalikan Perniagaan Kumpulan Nitto Denko



Visi Korporat

Mewujudkan Nilai Baharu

Berdasarkan ‘Terbuka, Adil dan Terbaik’ sebagai asas setiap tindakan kami, Kumpulan Nitto Denko akan menyumbang kepada kehidupan seharian manusia dan masa depan industri dengan kuasanya untuk menjana idea yang inovatif dan unik.

Kumpulan Nitto Denko akan:

- Mencipta produk dan perkhidmatan yang menawarkan fungsi baharu yang memberikan kepuasan kepada pelanggan dengan pantas.
- Menghormati autonomi dan keaslian dalam meningkatkan persekitaran kerja dengan memberikan kebebasan yang sepenuhnya serta ruang bagi pekerja menggalas cabaran.
- Mengejar aktiviti perniagaan dan terus mendapat kepercayaan pemegang saham menerusi pendedahan maklumat dan komunikasi.
- Sentiasa sedar akan tanggungjawab sosial korporat termasuk kelestarian dan hubungan komuniti.

Prinsip Panduan

Dengan bangga dan penuh keazaman, kami para pekerja Kumpulan Nitto Denko akan senantiasa bertindak secara berintegriti berteraskan prinsip “Terbuka, Adil dan Terbaik”

Kami akan:

1. Membekalkan kepada pelanggan dengan produk dan perkhidmatan berkualiti terbaik.
2. Mengutamakan faktor keselamatan lebih dari yang lain.
3. Sentiasa bertindak dengan semangat yang mencabar.
4. Bertindak dengan wajar dan berpandukan undang-undang dan etika.
5. Menyematkan dalam diri dengan sikap membantu melindungi persekitaran global dan memelihara sumber-sumber alam.

Perutusan dari Ketua Pegawai Eksekutif

Kumpulan Nitto Denko mensasarkan untuk menjadi syarikat yang wujud sehingga mencecah usia seratus tahun, mengekalkan pertumbuhan sehingga ke masa hadapan sementara diberi kepercayaan oleh masyarakat.

Saya sentiasa berterima kasih kepada para pemegang saham dan pelabur, pelanggan, rakan perniagaan, ahli komuniti dan para pekerja serta keluarga mereka bagi sokongan yang mendalam terhadap Kumpulan Nitto Denko dan saya berharap agar para pekerja Nitto Denko akan berusaha secara berterusan bagi mencapai matlamat mereka.

Sementara mencari kejayaan dalam perniagaan melalui aktiviti seharian, kita percaya bahawa sebagai ahli masyarakat, kita mesti sentiasa bertindak dengan penuh integriti. Garis Panduan ini memberikan penghuraian yang konkrit mengenai nilai teras berasaskan kepada “Visi Korporat” dan “Prinsip Panduan” serta yang seumpamanya. Ia akan menjadi piawaian yang membimbing kita membuat keputusan yang tepat setiap hari.

Kumpulan Nitto Denko beroperasi di banyak negara dan wilayah, setiap satu daripadanya mempunyai undang-undang, peraturan dan budaya yang berbeza. Garis Panduan ini telah disusun dengan mengambil kira Kumpulan Nitto Denko secara keseluruhannya. Justeru itu, saya mengajak anda mematuhi Garis Panduan ini dan ianya mestilah bermula dengan pemahaman penuh mengenai isi kandungannya.

Marilah kita menjadikan Kumpulan Nitto Denko sebuah syarikat yang dipercayai oleh masyarakat dan akan terus berkembang maju bagi tahun-tahun yang mendatang!



Yukio Nagira

Ketua Pegawai Eksekutif
Kumpulan Nitto Denko



Pengenalan

Sebagai para pekerja Kumpulan Nitto Denko, kita sentiasa menghadapi pelbagai persoalan mengenai etika dan perundangan dalam menjalankan perniagaan.

Setiap pekerja mesti merujuk kepada Garis Panduan Menjalankan Perniagaan Kumpulan Nitto Denko (selepas ini disebut sebagai “Garis Panduan”) apabila anda menghadapi sebarang permasalahan dalam membuat keputusan mengenai undang-undang atau etika perniagaan.

Sekiranya anda tidak pasti mengenai kesesuaian atau etika mengenai sebarang aktiviti, tanyakan soalan berikut kepada diri sendiri:

- Adakah tindakan ini selari dengan Nilai Teras seperti yang terkandung dalam “Visi Korporat” dan “Prinsip Panduan”?
- Adakah tindakan ini mematuhi Garis Panduan, polisi dan prosedur Kumpulan Nitto Denko serta undang-undang?
- Bagaimanakah pelanggan dan pelabur kita, pihak awam, atau keluarga kita menilainya?
- Adakah saya mempraktikkan asas prinsip pengendalian iaitu, “Mengamalkan keterbukaan, adil dan membuat yang terbaik”?

Sekiranya anda masih lagi tidak pasti samaada tindakan yang dicadangkan adalah mematuhi undang-undang dan beretika, anda patut merujuk Garis Panduan ini atau merujuk kepada pengurus atau “Saluran Komunikasi” seperti yang tertera dalam Garis Panduan.

Berdasarkan kepada undang-undang tempatan atau korporat atau peraturan setempat, pekerja yang gagal mematuhi Garis Panduan Mengendalikan Perniagaan Kumpulan Nitto Denko, mungkin akan dikenakan tindakan disiplin.

Isi Kandungan

Persekitaran Tempat Kerja

M.05-09

01. Pekerjaan	M.05
02. Kesihatan dan Keselamatan semasa Berkerja	M.06
03. Tempat Kerja Bebas Gangguan	M.07
04. Tempat Kerja Tanpa Bahan Terlarang	M.08
05. Privasi Pekerja	M.09

Melindungi Aset

M.10-16

01. Menggunakan Masa dan Aset	M.10
02. Maklumat Bermilik	M.11
03. Kelalaian mendedahkan maklumat	M.12
04. Sistem Komunikasi	M.13
05. Hubungan dengan Media, Penganalisa, Peguam dan Sebagainya	M.14
06. Hak Harta Intelektual	M.15
07. Meninggalkan Kumpulan Nitto Denko	M.16

Mengendalikan Perniagaan

M.17-28

01. Melaporkan, Merekodkan dan Mengekalkan	M.17
02. Kuasa memberikan Komitmen sebagai Kumpulan Nitto Denko	M.18
03. Berurusan dengan Para Pembekal	M.19
04. Persaingan perniagaan	M.20
05. Hubungan dengan Pesaing	M.21
06. Mendapatkan dan Menggunakan Maklumat mengenai Organisasi Lain	M.22
07. Menggunakan Tanda Dagangan dan Hak cipta	M.23
08. Menerima Hadiah	M.24
09. Kemudahan Perniagaan	M.25
10. Pemberian Hadiah dan Hiburan	M.26
11. Hubungan dengan Kakitangan Kerajaan	M.27
12. Interaksi dengan Komuniti dan Persekitaran Global	M.28

Mematuhi Undang-Undang

M.29-35

01. Mematuhi Undang-undang secara Umum	M.29
02. Laporan Perakaunan dan Kewangan	M.30
03. Persaingan	M.31
04. Eksport dan Import	M.32
05. Alam Sekitar	M.33
06. Perolehan di Sektor Awam	M.34
07. Melobi	M.35

Pada Masa Sendiri

M.36-39

01. Membantu Pesaing	M.36
02. Menggunakan maklumat dalaman dan perdagangan orang dalam	M.37
03. Penglibatan dalam Aktiviti Politik	M.38
04. Seseorang yang Rapat Dengan Anda Bekerja di dalam Industri	M.39

Saluran Komunikasi	M.40
--------------------	------

Pekerjaan

Setiap pekerja mempunyai peranan yang unik dalam menjadikan Kumpulan Nitto Denko sebagai tempat kerja yang lebih mengagumkan dan memberikan kepuasan. Kumpulan Nitto Denko mengharapkan semua pekerja akan saling menghormati antara satu sama lain dan menjaga maruah setiap orang.

Secara sosialnya, kita akan bertindak dalam cara yang bertanggungjawab walau dimana jua kita tinggal atau bekerja di seluruh dunia dan menjadi penduduk dunia yang bagus.

Semua Kumpulan Nitto Denko komited kepada polisi kesaksamaan peluang pekerjaan dan layanan yang adil.

Apakah isu-isu yang termasuk dalam prinsip kesaksamaan pekerjaan dan layanan yang adil?

Kesemua perlakuan berkenaan sumber manusia seperti pekerjaan, kenaikan pangkat, kadar gaji atau bentuk-bentuk lain pampasan, faedah, latihan, disiplin dan penamatan pekerjaan akan berdasarkan kepada prinsip peluang pekerjaan yang saksama.

Kita melarang buruh kanak-kanak dan paksaan atau buruh wajib di semua fasiliti dan mensyaratkan semua pekerja menerima faedah yang dinyatakan mandatnya dalam undang-undang yang ada, walaupun dimana jua anda bekerja.

Kita melarang anda terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang menjatuhkan maruah dan kehormatan individu, walaupun sekiranya dibenarkan dibawah undang-undang yang ada.



Kesihatan dan Keselamatan semasa Berkerja

Tempat kerja yang selamat adalah salah satu perkara paling penting bagi kita dan semua ahli keluarga. Kumpulan Nitto Denko komited bagi memastikan persekitaran tempat kerja yang selamat bagi semua pekerja. Kita berusaha untuk mengelakkan sebarang kecederaan akibat aktiviti-aktiviti perniagaan.

Apakah peraturan dan amalan yang kita ikuti bagi memastikan keselamatan dan kesihatan tempat kerja.

Kita melarang pemilikan sebarang alatan merbahaya seperti senjata oleh pekerja, kontraktor, pembekal dan tetamu Kumpulan Nitto Denko dalam kawasan harta syarikat pada sepanjang masa.

Kita tidak akan bertoleransi terhadap sebarang ancaman membahayakan atau sebarang kelakuan yang mengganggu, mengendalakan atau campur tangan dalam urusan kerja pekerja lain atau prestasi atau yang mewujudkan kegerunan dan permusuhan dalam persekitaran tempat kerja.

Kita dengan tegas akan memastikan pemantapan prosedur keselamatan dan peraturan mengenai penggunaan bahan-bahan kimia, mematuhi amalan keselamatan dan mengelakkan langkah-langkah pintas.

Kita mengarahkan setiap organisasi Kumpulan Nitto Denko agar mengadakan program keselamatan aktif yang disokong kuat oleh kumpulan pentadbiran.

Tempat Kerja Bebas Gangguan

Semua fasiliti Kumpulan Nitto Denko seluruh dunia mengekalkan persekitaran tempat kerja bebas gangguan; persekitaran kerja adalah tempat para pekerja berkelakuan secara menghormati antara satu sama lain dan juga dengan sesiapa yang mereka berurusan dalam menjalankan perniagaan.

Sebagai langkah tambahan bagi melindungi para pekerja, polisi tempat kerja bebas gangguan melarang para pekerja dari terlibat dalam gangguan yang ditujukan kepada rakan perniagaan seperti pembekal luar. Begitu juga sebaliknya, semua rakan perniagaan dilarang dari terlibat dalam gangguan terhadap fasiliti Kumpulan Nitto Denko.

Aktiviti berkaitan pekerjaan di luar tempat kerja juga tertakluk kepada polisi ini.

Apakah perlakuan yang jelas dilarang dalam persekitaran tempat kerja bebas gangguan.

Perbuatan yang tidak dialu-alukan samaada secara lisan, fizikal atau visual berdasarkan status seseorang yang tidak didedahkan seperti bangsa, warna kulit, kepercayaan agama, jantina, identiti jantina, orientasi seksual, negara asal atau keturunan, kecacatan fizikal atau mental, umur, keadaan perubatan, status perkahwinan atau sebarang status yang tidak didedahkan.

Bahasa kesat, perlakuan fizikal yang agresif, perlakuan yang sengaja menyebabkan kecederaan, perlakuan yang tidak senonoh, gangguan dengan niat jahat, ugutan dan sebagainya.

Diskriminasi seksual yang tidak dialu-alukan, permintaan berbentuk seksual dan juga perlakuan secara fizikal, verbal atau visual berkaitan dengan seks.

**Tempat Kerja Tanpa Bahan Terlarang**

Penyalahgunaan bahan seperti alkohol atau dadah, memberikan ancaman serius kepada keselamatan dan kesihatan para pekerja. Kumpulan Nitto Denko mengamalkan polisi tempat kerja bebas dadah/ alkohol di semua lokasi di seluruh dunia. Ia mesti dipatuhi bukan sahaja oleh para pekerja namun juga tetamu di premis-premis kita.

Tingkah laku yang bagaimana dilarang tegas dalam tempat kerja bebas bahan?

Penggunaan atau pemilihan alkohol, dadah haram dan bahan-bahan kawalan lain dalam tempat kerja.

Bekerja, mengendalikan peralatan atau memandu kenderaan semasa berada di bawah pengaruh alkohol, dadah haram atau sebarang bahan kawalan semasa kerja.

Di beberapa tempat di dunia, pengguna yang menggunakan atau memiliki dadah haram akan dikenakan hukuman maut.

Apakah pengecualian kepada polisi tempat kerja bebas bahan terlarang kita?

Minuman beralkohol dibenarkan untuk dihidangkan semasa acara-acara yang dianjurkan oleh syarikat dengan kebenaran pihak pengurusan. Walaupun dalam beberapa kes, semua undang-undang berkaitan meminum minuman keras yang berkenaan seperti:- pengguna mesti mencapai umur yang dibenarkan, mestilah dipatuhi. Konsisten dengan polisi, anda dilarang mabuk dan minum secara berlebihan dalam acara-acara ini.

Para pekerja boleh menggunakan ubat-ubatan yang dipreskripsi oleh pengamal perubatan, dengan syarat penggunaan ubat-ubatan tersebut tidak menjejaskan prestasi kerja atau keselamatan pekerja atau individu-individu lain di tempat kerja.

Privasi Pekerja

Kumpulan Nitto Denko mengumpul dan mengekalkan maklumat peribadi yang berkaitan dengan pekerjaan termasuk maklumat pampasan, kesihatan dan faedah. Memandangkan Kumpulan Nitto Denko adalah syarikat global, syarikat mungkin akan berkongsi maklumat peribadi anda dengan Kumpulan Syarikat Nitto Denko di negara lain dan/atau syarikat yang melakukan perniagaan bersama.

Bagi melindungi hak privasi pekerja, kita mengawal ketat tempat maklumat disimpan dan diproses.

Bagaimana privasi pekerja dilindungi?

Capaian kepada maklumat peribadi dihadkan kepada pekerja dengan keperluan untuk mengetahuinya bagi tujuan perniagaan atau perundangan.

Melainkan bagi sebab-sebab perniagaan atau perundangan yang munasabah, maklumat peribadi akan diberikan kepada pihak-pihak luar hanya dengan kebenaran pengurusan dan/atau dengan kebenaran pekerja secara bertulis.

Anda tidak akan diminta bagi memberikan maklumat peribadi yang berlebihan melainkan maklumat yang benar-benar diperlukan sahaja.



Menggunakan Masa dan Aset

Masa dan aset Kumpulan Nitto Denko adalah harta bersama dan mesti digunakan bagi aktiviti perniagaan kita sahaja. Kita patut tidak menggunakannya bagi kegunaan peribadi melainkan ianya telah dibenarkan secara spesifik oleh pengurusan atau polisi tempatan.

Dalam usaha melindungi aset Kumpulan Nitto Denko, syarikat mungkin diminta mencari pemilikan peribadi pekerja yang terletak atau telah dialihkan dari lokasi Kumpulan Nitto Denko.

Apakah yang boleh diterima dan tidak boleh diterima dalam penggunaan masa dan aset?

Anda tidak boleh membuat kerja selain daripada kerja Kumpulan Nitto Denko atau mencari perniagaan seperti itu semasa berkerja dalam masa bekerja Kumpulan Nitto Denko atau semasa berada dalam premis Kumpulan Nitto Denko.

Anda tidak dibenarkan menggunakan aset kewangan atau aset-aset Kumpulan Nitto Denko termasuk komputer, peralatan, telefon, bahan-bahan, sumber, atau maklumat pemilikan bagi sebarang pekerjaan luar atau bagi sebarang kegunaan peribadi tanpa kebenaran pengurusan atau syarikat.

Penggunaan kereta syarikat secara peribadi hanya dibenarkan jika dikhususkan dalam polisi tempatan dengan kelulusan pengurusan.

Penggunaan pas perjalanan yang diedarkan oleh syarikat secara peribadi hanya dibenarkan apabila ia tidak mengganggu obligasi kerja atau menyebabkan perbelanjaan tambahan kepada syarikat.

Maklumat Bermilik

Maklumat bermilik Kumpulan Nitto Denko adalah merupakan hasil idea, kerja keras dan inovasi oleh setiap pekerja. Maklumat ini, secara khususnya adalah maklumat sulit Kumpulan Nitto Denko yang memberikan kelebihan kompetitif dalam pasaran. Kumpulan Nitto Denko boleh terjejas sekiranya para pesaing menemuinya.

Sebagai pekerja Kumpulan Nitto Denko, setiap dari kita mempunyai kewajipan untuk melindungi maklumat bermilik.

Bagaimana kita melindungi maklumat bermilik?

Maklumat bermilik kita termasuklah, namun tidak terhad kepada, data teknikal, maklumat jualan, maklumat pelanggan, maklumat produk, data kewangan, harta intelek dan sebagainya.

Anda mestilah tidak mendedahkan atau mengedarkan sebarang maklumat yang dianggap harta bermilik oleh Kumpulan Nitto Denko, atau yang anda fikir sebagai maklumat bermilik tanpa kebenaran pengurus anda.

Pihak-pihak luar yang mempunyai akses kepada maklumat bermilik Kumpulan Nitto Denko mestilah diminta menandatangani perjanjian kerahsiaan/ketakdedahan sebelum memulakan kerja bagi apa-apa projek.

Kelalaian mendedahkan maklumat

Bagi melindungi aset-aset Kumpulan Nitto Denko, semua pekerja patut mengelakkan dari mendedahkan maklumat bermilik.

Apakah yang boleh menyebabkan kelalaian mendedahkan maklumat?

Perbincangan dengan sebarang individu yang tidak dibenarkan mengenai maklumat yang Kumpulan Nitto Denko anggap sebagai sulit atau yang tidak didedahkan kepada awam oleh Kumpulan Nitto Denko.

Perbincangan atau melihat secara terbuka maklumat bermilik dengan kebenaran pekerja Kumpulan Nitto Denko semasa individu lain berada di tempat tersebut seperti semasa pertunjukkan perdagangan, di kawasan awam, dalam keretapi atau kapal terbang atau semasa menggunakan telefon mudah alih atau komputer.

Perbincangan mengenai maklumat bermilik dengan ahli keluarga atau kawan, yang mungkin tidak berniat atau tanpa disedari mendedahkan maklumat tersebut kepada orang lain.

Menghilangkan komputer peribadi yang tidak dilengkapi aplikasi perlindungan atau memori USB (tanpa penyulitan atau sebaliknya) atau membenarkan alatan tersebut dicuri.



Sistem Komunikasi

Sistem Komunikasi Kumpulan Nitto Denko adalah penting kepada perniagaan kita.

Sistem komunikasi Kumpulan Nitto Denko mestilah digunakan bagi mengadakan urusan perniagaan Kumpulan Nitto Denko atau bagi urusan lain yang dibenarkan oleh pengurusan.

Penggunaan sistem komunikasi Kumpulan Nitto Denko yang tidak sesuai adalah diambil kira sebagai penyalahgunaan aset-aset Kumpulan Nitto Denko.

Apakah penggunaan sistem komunikasi yang disalahguna ?

Penggunaan sistem komunikasi Kumpulan Nitto Denko bagi melawat laman-laman internet yang bercirikan bilik sembang, kandungan seksual, perjudian atau yang mempunyai tujuan yang serupa.

Menghantar surat berantai e-mel peribadi menggunakan sistem e-mel Kumpulan Nitto Denko.

Penggunaan e-mel atau sistem internet peribadi yang menimbulkan konflik dengan polisi Syarikat Kumpulan Nitto Denko atau yang menyebabkan permintaan yang luar biasa dalam sistem simpanan dan keupayaan penghantaran.

Penyalinan perisian secara haram, atau pemasangan atau penggunaan perisian tanpa kebenaran syarikat.

Hubungan dengan Media, Penganalisa, Peguam dan Sebagainya

Aktiviti perniagaan Kumpulan Nitto Denko diperhatikan secara teliti oleh wartawan, perunding, penganalisa keselamatan, pemegang saham dan para pelabur serta pegawai-pegawai penguatkuasa undang-undang. Anda sepatutnya tidak memulakan atau memberi maklumbalas terhadap pertanyaan mereka tanpa berunding dengan pengurusan tertinggi tempatan.

Sekiranya pertanyaan adalah berkaitan Kumpulan Nitto Denko secara keseluruhannya, anda atau pengurusan tempatan atau pengurusan tertinggi bahagian patut berunding dengan jabatan korporat Kumpulan Nitto Denko.

Siapakah yang patut dihubungi di Jabatan Korporat?

Pertanyaan dari Media – bincang dengan jabatan/bahagian perhubungan awam korporat.

Pertanyaan dari penganalisa atau pemegang saham dan pelabur – bincang dengan jabatan/bahagian perhubungan pelabur korporat.

Pertanyaan dari peguam – bincang dengan Jabatan Perundangan Korporat.



Hak Harta Intelektual

Sebarang penemuan baru dan sebagainya yang ditemui semasa bertugas mestilah dilaporkan kepada syarikat sama seperti keputusan yang diperolehi. Anda tidak dibenarkan mengumumkannya kepada awam mengenai penemuan anda dan sebagainya tanpa kebenaran syarikat.

Sebarang harta intelektual termasuk ciptaan dan sebagainya yang dicipta semasa anda mengendalikan tugas akan menjadi milik penuh syarikat.

Sekiranya anda mempunyai soalan mengenai hak harta intelektual, apakah yang patut anda lakukan?

Sekiranya idea anda tidak termasuk dalam bidang kepentingan perniagaan yang sebenar atau dijangka, hasil dari, dicadangkan oleh atau yang ditugaskan sebagai kerja dalam Kumpulan Nitto Denko, sila berbincang dengan pengurusan atau jabatan harta intelek korporat atau tempatan bagi memastikan anda tidak melanggar hak harta intelektual Kumpulan Nitto Denko.

**Meninggalkan Kumpulan Nitto Denko**

Sekiranya anda meninggalkan Kumpulan Nitto Denko atas sebarang sebab, anda mesti memulangkan semua harta Kumpulan Nitto Denko dan terus melindungi maklumat bermilik Kumpulan Nitto Denko.

Apakah harta yang patut anda pulangkan dan apa yang kami jangkakan selepas anda meninggalkan Kumpulan Nitto Denko?

Sebarang dokumen dan media yang mengandungi maklumat bermilik Kumpulan Nitto Denko mestilah dipulangkan kepada syarikat.

Harta Intelektual yang anda cipta semasa anda bekerja dengan Kumpulan Nitto Denko akan terus menjadi kepunyaan syarikat selepas anda meninggalkan syarikat.

Selepas meninggalkan Kumpulan Nitto Denko, anda mesti terus melindungi maklumat bermilik Kumpulan Nitto Denko dan tidak harus menggunakannya bagi membantu para pesaing.



Mengendalikan Perniagaan

01

Melaporkan, Merekodkan dan Mengekalkan

Sebagai pekerja Kumpulan Nitto Denko, setiap dari kita mesti melaporkan dan merekodkan semua maklumat mengenai aktiviti perniagaan secara tepat dan jujur.

Sebagai tambahan, penahanan dan penghapusan maklumat seperti itu mesti mengikut tetapan atau peraturan pengekalan dan penghapusan rekod setiap organisasi tempatan dan undang-undang yang berkenaan.

Apakah jenis laporan dan rekod yang anda mesti buat dengan tepat dan jujur?

Semua laporan mesti dibuat dengan tepat dan jujur. Sebagai contoh, laporan pembangunan kejuruteraan, laporan jualan dan pesanan jualan, hasil perakaunan dan kos, laporan penyelidikan, laporan kemalangan dan laporan perbelanjaan.

Kenapa kita mesti laporkan dan merekodkan dengan jujur dan tepat?

Laporan yang tepat dan jujur menyokong reputasi kita sebagai syarikat beretika dan jujur; ia juga membenarkan kita beroperasi mengikut piawaian yang dijangkakan serta mematuhi obligasi perundangan.

Laporan yang tidak jujur boleh menjuruskan kepada liabiliti awam atau liabiliti jenayah.

Mengendalikan Perniagaan

02

Kuasa memberikan Komitmen sebagai Kumpulan Nitto Denko

Bagi tujuan mengendalikan perniagaan secara efektif dan selamat, setiap syarikat Kumpulan Nitto Denko akan menjelaskan tahap kekuasaan individu bagi menentukan harga, beberapa terma dan syarat kontrak yang lain.

Komitmen dan persetujuan patut dibuat berdasarkan kepada peraturan yang dibenarkan dalam setiap sektor atau syarikat.

Apakah tindakan yang dilarang dalam membuat komitmen dan persetujuan?

Anda tidak seharusnya membuat sebarang komitmen secara lisan atau bertulis mengenai harga produk kepada para pelanggan melainkan anda dibenarkan berbuat demikian atau pihak pengurusan telah memberikan kelulusan.

Anda tidak seharusnya membuat komitmen secara lisan atau bertulis yang boleh mewujudkan perjanjian baru atau mengubah yang sedia ada dengan pihak ketiga sebelum mendapat kebenaran pihak pengurusan.



Berurusan dengan Para Pembekal

Kumpulan Nitto Denko mempraktikkan polisi pemilihan yang adil dalam memilih pembekal. Kita memilih pembekal terbaik berdasarkan persaingan yang adil termasuk dari segi harga, perkhidmatan, teknologi, kualiti dan sebagainya. Semua pekerja Kumpulan Nitto Denko dikehendaki mematuhi persaingan adil ini.

Apakah perkara yang mesti dipertimbangkan dengan teliti semasa memilih pembekal?

Apabila kita memutuskan untuk memilih pembekal dikalangan pembekal yang bersaing, kita mesti menimbang fakta tanpa berat sebelah bagi menentukan pembekal yang terbaik.

Anda mestilah tidak bersungguh-sungguh atau mencuba untuk memberikan pengaruh bagi memberikan layanan istimewa kepada pembekal tertentu.

Secara amnya, harga dan maklumat lain yang dihantar oleh pembekal adalah sulit. Para pekerja Kumpulan Nitto Denko sepatutnya tidak menggunakan sebarang maklumat tanpa kebenaran Kumpulan Nitto Denko.

Anda sepatutnya tidak mengharapkan balasan atau timbal balik dari pembekal; kita mesti mengekalkan hubungan yang adil dan saksama.



Persaingan perniagaan

Kumpulan Nitto Denko mengamalkan polisi persaingan adil dalam menjual hasil keluaran serta menjual produk yang memuaskan hati pelanggan. Untuk mencapai kepuasan pelanggan, Kumpulan Nitto Denko mengharapkan anda untuk tidak sahaja bertindak secara aktif dan berkesan dalam lapangan perniagaan, tetapi bertindak juga mengikut undang-undang dan beretika.

Apakah faktor-faktor yang penting dalam persaingan perniagaan?

Anda tidak seharusnya menggambarkan rasa tidak hormat terhadap pelanggan dengan membuat kenyataan yang kurang sopan, salah dan membawa tanggapan yang salah tentang barangan pesaing.

Anda harus memastikan bahawa segala perbandingan yang dibuat dengan pesaing dan barangan mereka adalah terbukti benar dan juga lengkap, tepat dan tidak membawa kepada tanggapan yang salah.

Anda harus sedar bahawa iklan perbandingan adalah dilarang di beberapa negara. Sila dapatkan khidmat nasihat daripada wakil perundangan atau Bahagian Perundangan Syarikat di tempat anda.


Hubungan dengan Pesaing

Berjumpa dan bercakap dengan pesaing serta menghadiri mesyuarat industri atau persatuan dari masa ke semasa memang tidak akan dapat dielakkan. Tambahan pula, syarikat yang anda sedang berurusan, sama ada sebagai pembekal ataupun pelanggan boleh juga menjadi pesaing kepada Kumpulan Nitto Denko. Oleh itu kita perlu berhati-hati dalam melaksanakan urusan tersebut.

Apakah yang memerlukan anda berhati-hati dalam hubungan dengan pesaing?

Anda dilarang untuk membincangkan polisi harga, syarat kontrak, inventori, tinjauan pasaran, rancangan produksi, kemampuan serta segala yang berkaitan ataupun maklumat sulit dalam segala bentuk hubungan dengan pesaing.

Sekiranya pesaing membangkitkan sebarang isu berkaitan perkara yang dilarang, walaupun tanpa niat, anda harus membantah ataupun memberhentikan perbualan tersebut.



Mendapatkan dan Menggunakan Maklumat mengenai Organisasi Lain

Semasa mengendalikan perniagaan harian, adalah menjadi kebiasaan untuk mendapatkan maklumat tentang organisasi lain termasuk pesaing; namun, terdapat batasan dalam mendapatkan serta menggunakan maklumat tersebut.

Apakah perkara penting mengenai mendapatkan dan menggunakan maklumat tentang organisasi lain?

Cara yang menyalahi undang-undang seperti menceroboh, merompak, penggunaan alat risikan, rasuah dan mencuri dalam mendapatkan maklumat adalah dilarang.

Mendapatkan maklumat mengenai pesaing dengan cara mengupah pekerja pesaing dan mendapatkan maklumat sulit melalui pekerja tersebut adalah dilarang.

Maklumat mengenai pesaing yang didapati secara sah juga haruslah diperlakukan dengan berhati-hati. Kumpulan Nitto Denko sentiasa bersungguh-sungguh dalam menjaga maklumat peribadi organisasi lain termasuk pesaing.

Kita harus mengelakkan daripada melakukan sebarang tindakan berkaitan perkara yang boleh menimbulkan keraguan ini.

Menggunakan Tanda Dagangan dan Hak cipta

Kita menggunakan tanda dagangan dalam mengenali serta membezakan barangan kita di pasaran.

Penting bagi kita mengakui serta menggunakan tanda dagangan Kumpulan Nitto Denko serta tanda dagangan syarikat-syarikat lain. Perhatian harus diberikan tentang sebahagian teks, carta dan gambar yang terdapat di dalam buku, majalah, surat khabar, laman sesawang, dan lain-lain yang dilindungi oleh hak cipta dan tidak boleh disalin ataupun dihasilkan semula tanpa kebenaran.

Sekiranya anda menjumpai penggunaan tanda dagangan Kumpulan Nitto Denko, terutama sekali tanda dagangan yang berdaftar yang digunakan oleh pihak ketiga, anda seharusnya menghubungi wakil harta intelek tempatan atau syarikat.

Apakah jenis-jenis tanda dagangan yang terdapat di dalam pasaran?

Secara umumnya terdapat dua jenis tanda dagangan yang terdapat di setiap negara.

Jenis tanda dagangan yang pertama ialah tanda dagangan yang telah didaftarkan di pejabat paten dan tanda dagangan lain. Ia boleh dikenali dengan simbol ®. Sebagai contoh, tanda dagangan Kumpulan Nitto Denko telah didaftarkan di beberapa negara.

Manakala satu lagi adalah tanda dagangan yang tidak didaftarkan. Tanda dagangan tersebut ditandakan dengan ™.

Menerima Hadiah

Kumpulan Nitto Denko mahukan setiap kakitangan untuk bertindak bukan sahaja mengikut undang-undang tetapi juga secara beretika. Syarikat menganggap anda mematuhi polisi Kumpulan Nitto Denko dalam penerimaan sebarang hadiah seperti yang dinyatakan di sini.

Sekiranya anda menerima hadiah yang mempunyai nilai di luar daripada kebiasaan dan menerima barangan yang biasanya tidak diberikan kepada orang lain, anda mestilah dengan segera memberitahu pengurus anda, tanpa mengambil kira tempat hadiah tersebut diterima, sama ada di rumah ataupun di pejabat. Tindakan yang berpatutan untuk memulangkan atau melupuskan hadiah yang diterima mesti diambil. Pembekal ataupun pelanggan akan diingatkan tentang polisi penerimaan hadiah Kumpulan Nitto Denko yang melarang anda menerima wang atau pinjaman.

Apakah jenis hadiah yang boleh diterima dan tidak boleh diterima?

Anda ataupun mana-mana ahli keluarga tidak boleh meminta atau menerima hadiah, wang atau pinjaman daripada pembekal atau pelanggan yang boleh mempengaruhi ataupun memberi gambaran tentang pengaruh hubungan perniagaan antara Kumpulan Nitto Denko dengan pembekal atau pelanggan tersebut.

Anda boleh menerima hadiah yang mempunyai nilai biasa seperti barangan iklan atau gula-gula yang biasa diberikan kepada orang lain.

Anda boleh menerima promosi premium dan diskaun yang ditawarkan oleh syarikat kad kredit, hotel, syarikat pengangkutan dan restoran sekiranya ia berdasarkan keahlian secara individu atau syarikat di dalam program bonus, melainkan jika syarikat atau sektor dalam Kumpulan Nitto Denko telah menyatakan sebaliknya.

Kemudahan Perniagaan

Kumpulan Nitto Denko membenarkan anda menerima kemudahan perniagaan dengan kebenaran daripada pihak pengurusan.

Sekiranya pelanggan atau pembekal menyifatkan sebagai perlu untuk mereka menyediakan perkhidmatan pendidikan atau penerangan eksekutif kepada kita; adalah tidak menjadi masalah untuk kita menerima perkhidmatan yang mempunyai kaitan dengan aktiviti seperti ini.

Kenapa penting untuk memahami tentang kemudahan perniagaan?

Anda perlu menerima kebenaran daripada pihak pengurusan untuk mengelakkan gambaran yang tidak sesuai.

Kemudahan perniagaan haruslah dijaga dengan cara yang sewajarnya. Ia mestilah tidak menyalahi undang-undang atau boleh mengganggu kegiatan perniagaan pembekal atau pelanggan.

Sekiranya kemudahan tersebut diminta dengan kerap dan kelihatan tidak wajar, anda harus berbincang dan meminta nasihat dari Saluran Komunikasi.



Pemberian Hadiah dan Hiburan

Kumpulan Nitto Denko telah menetapkan polisi pemberian hadiah dan hiburan untuk mengelakkan rasuah dan pengaruh yang tidak sewajarnya dalam mengendalikan perniagaan.

Anda tidak boleh memberi wang atau memberi hadiah atau hiburan kepada eksekutif atau kakitangan mana-mana pembekal, pelanggan atau sebarang organisasi lain sekiranya perbuatan tersebut boleh mempengaruhi ataupun memberi gambaran tentang pengaruh hubungan perniagaan antara Kumpulan Nitto Denko dengan organisasi tersebut.

Apakah pemberian hadiah dan hiburan yang boleh diterima?

Anda boleh memberi hadiah yang mempunyai nilai kebiasaan, seperti barangan iklan atau gula-gula, yang biasa diberikan kepada orang lain.

Semasa mengendalikan perniagaan, anda boleh menjemput pelanggan, pembekal atau kakitangan daripada organisasi lain ke acara makan tengah hari atau makan malam, ke sukan atau kebudayaan yang telah menjadi kebiasaan dengan kebenaran pihak pengurusan.

Sekiranya pelanggan, pembekal atau organisasi lain tidak membenarkan penerimaan hadiah atau hiburan, anda mesti menghormati polisi mereka.

Hubungan dengan Kakitangan Kerajaan

Perbuatan yang biasa dilakukan dalam dunia perniagaan komersial seperti pemberian hadiah atau menyediakan hiburan atau lain-lain mungkin tidak boleh diterima dan mungkin menyalahi peraturan dan undang-undang semasa berurusan dengan kakitangan kerajaan atau pihak yang bertindak untuk pihak kerajaan.

Apakah yang penting tentang hubungan dengan kakitangan kerajaan?

Anda mestilah prihatin dan berwaspada tentang peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan hubungan di antara syarikat dan kakitangan kerajaan di setiap negara kita menjalankan perniagaan.

Memberi wang atau pinjaman kepada kakitangan kerajaan adalah dilarang sama sekali.

Pemberian hadiah kepada pegawai atau kakitangan entiti berkaitan kerajaan mungkin tidak dibenarkan sekiranya perbuatan tersebut boleh menjejaskan perniagaan Kumpulan Nitto Denko.

Kebanyakan negara melarang perbuatan tersebut menerusi undang-undang.



Interaksi dengan Komuniti dan Persekitaran Global

Sebagai manusia, kita perlu hidup secara harmoni dengan alam sekitar dan masyarakat sekeliling. Oleh itu, Kumpulan Nitto Denko memberi komitmen dalam penjagaan alam sekitar dan sumbangan sosial.

Kita juga akan bekerja sama dalam menangani isu-isu komuniti tempatan dan antarabangsa dan kami juga menyokong pembangunan masyarakat dengan membekalkan barangan dan perkhidmatan.

Apakah yang penting dalam hubungan dengan komuniti dan persekitaran global?

Anda mesti sentiasa bekerja keras untuk memelihara sumber dan tenaga dan sentiasa sedar dalam penggunaan semula dan kitar semula semasa menjalankan perniagaan dan dalam kehidupan seharian.

Anda mesti berusaha untuk mempertahankan alam semula jadi dan menghargai keanekaragaman biologi dengan sepenuhnya.

Sebagai anggota sesebuah masyarakat, sekiranya berlaku bencana atau wabak, anda mesti bekerjasama dengan yang lain untuk bekerja ke arah pemulihan dan pembinaan semula.

Syarikat melarang sebarang tindakan yang mengganggu kitaran dan mengancam keselamatan masyarakat dan hak asasi manusia.



Mematuhi Undang-undang secara Umum

Semasa kita mengendalikan perniagaan Kumpulan Nitto Denko, kita mungkin berhadapan dengan pelbagai masalah undang-undang. Polisi Kumpulan Nitto Denko adalah untuk menuruti segala peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan perniagaan.

Bagaimanakah untuk kita menyedari dan menuruti undang-undang yang berkaitan dengan perniagaan kita?

Anda tidak perlu untuk mengetahui secara terperinci setiap peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan perniagaan anda; tetapi anda perlu peka bahawa terdapat peraturan dan undang-undang yang mungkin mempengaruhi cara anda mengendalikan perniagaan.

Cara terbaik untuk memastikan anda mematuhi undang-undang ialah dengan beretika pada setiap waktu dan di mana sahaja anda mengendalikan perniagaan.

Sekiranya anda mempunyai sebarang kemusykilan berkenaan undang-undang atau etika, anda harus menghubungi kakitangan di Saluran Komunikasi untuk bertanya mengenai kemusykilan anda.



Laporan Perakaunan dan Kewangan

Kumpulan Nitto Denko mensyaratkan pekerja mematuhi prinsip perakaunan yang ketat, melaporkan maklumat kewangan dengan tepat dan lengkap, dan perlu mempunyai kawalan dan proses dalaman yang sesuai. Ini adalah untuk memastikan agar laporan perakaunan dan kewangan menepati undang-undang yang berkaitan serta standard am perakaunan.

Melanggar undang-undang yang berkaitan dengan perakaunan dan kewangan akan menyebabkan kita dikenakan denda, hukuman dan penahanan. Di samping itu, ia akan menyebabkan hilangnya kepercayaan masyarakat terhadap Kumpulan Nitto Denko.

Apakah yang perlu anda berhati-hati ketika melaporkan maklumat perakaunan dan kewangan?

Anda perlu melaporkan dan mencatat segala perbelanjaan dengan tepat dan lengkap.

Sekiranya anda bertanggungjawab dalam bahagian ini, anda mesti memahami dan berpegang teguh kepada peraturan. Anda dilarang untuk membantu sesiapa sahaja mencatat atau melaporkan sebarang maklumat yang salah atau yang mengelirukan.

Anda tidak boleh memberi nasihat kepada sesiapa sahaja yang bukan kakitangan Kumpulan Nitto Denko, termasuklah pelanggan dan pembekal tentang cara membuat catatan atau melapor pendapatan dan perbelanjaan mereka yang sepatutnya.

Persaingan

Undang-undang persaingan wujud di kebanyakan negara tempat Kumpulan Nitto Denko menjalankan perniagaan. Tujuan undang-undang persaingan diwujudkan adalah untuk mencegah gangguan terhadap perjalanan sistem persaingan pasaran yang adil.


Kumpulan Nitto Denko mematuhi undang-undang persaingan di seluruh dunia.

Apakah tindakan yang dilarang di bawah undang-undang persaingan?

Sebarang tindakan yang menghadkan fungsi sistem persaingan seperti perdagangan tidak adil, monopoli dan kartel adalah dilarang.

Anda tidak boleh mempertimbangkan perjanjian dengan syarikat lain yang dengan tidak wajarnya menghadkan fungsi sistem persaingan, seperti penetapan harga atau membahagikan pelanggan dan kawasan.

Anda tidak boleh dengan secara haramnya memonopoli atau cuba untuk memonopoli industri atau secara haram menyalahgunakan posisi dominan.



Eksport dan Import

Kita mesti mematuhi peraturan dan undang-undang eksport dan import perniagaan di setiap negara. Hukuman berat seperti denda, hilang keistimewaan eksport dan import atau hukuman penjara boleh dikenakan sekiranya kita gagal mematuhi peraturan dan undang-undang eksport dan import.

Apakah yang penting dalam kawalan eksport dan import?

Peraturan dan undang-undang eksport dan import adalah rumit; anda perlu peka dengan jenis peraturan dan undang-undang berkaitan di kawasan perniagaan anda. Sila peka dengan barangan, teknologi, komponen kimia, data teknikal, perisian, reka bentuk dan penggunaan barangan yang mungkin tertakluk dalam peraturan dan undang-undang eksport dan import di setiap negara.

Adalah menjadi kesalahan undang-undang untuk mengeksport atau mengimport tanpa kebenaran atau untuk memudahkan pengeksportan atau pengimportan barangan dan teknologi Kumpulan Nitto Denko yang tidak mempunyai kebenaran. Kita perlu mendapatkan kebenaran eksport dan import daripada setiap kerajaan dimana aktiviti perniagaan dilakukan bersama.

Aktiviti proses pembangunan yang memerlukan sumber daripada negara lain dan aktiviti pelanggan yang memerlukan penghantaran sampel ke atau daripada negara anda adalah tertakluk kepada implikasi eksport atau import.

Pengiraan harga penjualan barangan antara syarikat kepada syarikat Kumpulan Nitto Denko yang terletak di negara lain (harga pemindahan) adalah tertakluk kepada implikasi eksport dan import.

Alam Sekitar

Kita harus mematuhi peraturan dan undang-undang alam sekitar pada setiap masa di tempat kita tinggal dan bekerja. Untuk memastikan kita mematuhi peraturan dan undang-undang alam sekitar ketika menjalankan perniagaan, kita harus berpegang teguh kepada polisi alam sekitar Kumpulan Nitto Denko. Pencabulan terhadap undang-undang alam sekitar mungkin akan menyebabkan kesan yang serius kepada aktiviti perniagaan. Kita mestilah sedaya upaya untuk meminimumkan kesan terhadap alam sekitar yang terhasil daripada proses operasi kita.

Bagaimanakah cara untuk anda mematuhi peraturan dan undang-undang alam sekitar?

Peraturan dan undang-undang alam sekitar adalah rumit; anda tidak perlu memahami setiap peraturan dan undang-undang secara terperinci; tetapi anda harus peka dengan jenis peraturan dan undang-undang berkaitan di kawasan perniagaan anda.

Sekiranya anda terlibat dalam proses penghasilan, penyukatan, merekod atau melaporkan pelepasan dan pengeluaran ke alam sekitar daripada kilang, anda mesti mematuhi peraturan dan permit alam sekitar dan anda perlu memastikan laporan tersebut adalah tepat dan lengkap.

Sekiranya anda menyedari sebarang pencabulan terhadap undang-undang alam sekitar atau sebarang tindakan yang kelihatan seperti menyembunyikan pencabulan tersebut, anda harus dengan segera melaporkan perkara tersebut kepada pihak pengurusan anda atau kakitangan di Saluran Komunikasi.


Perolehan di Sektor Awam

Tujuan undang-undang perolehan sektor awam ialah untuk membantu sektor awam, seperti kerajaan persekutuan, negeri atau tempatan untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan yang diperlukan dengan syarat-syarat yang adil dan munasabah.

Apakah yang perlu anda peka dalam perolehan sektor awam?

Memandangkan undang-undang sektor awam adalah pelbagai, luas dan mungkin rumit, kita mesti berhati-hati untuk mematuhi undang-undang tersebut dengan sepenuhnya.

Semasa melakukan perolehan sektor awam, anda tidak seharusnya cuba mengamalkan salah laku untuk mempengaruhi keputusan seperti mendapatkan maklumat sulit mengenai perolehan tersebut.



Melobi

Sebarang hubungan dengan kakitangan kerajaan untuk tujuan mempengaruhi penggubalan undang-undang atau pembuatan peraturan adalah dianggap sebagai melobi. Melobi adalah normal, diterima dan berguna sebagai sebahagian daripada proses penggubalan undang-undang.

Apakah jenis peraturan yang perlu diikuti semasa melobi?

Sebelum menghubungi kakitangan kerajaan bagi tujuan melobi, anda perlu mendapatkan kebenaran daripada pihak pengurusan anda.

Cara melobi adalah berbagai-bagai di serata dunia. Oleh itu, polisi Kumpulan Nitto Denko adalah sentiasa mematuhi segala peraturan dan undang-undang melobi di seluruh kawasan Kumpulan Nitto Denko menjalankan perniagaan.



Waktu peribadi anda adalah milik anda, tetapi setiap daripada kita merupakan kakitangan Kumpulan Nitto Denko sama ada pada waktu bekerja ataupun tidak. Oleh itu, anda dimestikan memelihara reputasi Kumpulan Nitto Denko pada setiap waktu.

Membantu Pesaing

Adalah menjadi konflik kepentingan yang ketara antara Kumpulan Nitto Denko dan waktu peribadi anda sekiranya anda memberikan bantuan atau bekerja dengan organisasi yang bersaing dengan Kumpulan Nitto Denko di pasaran sekarang atau pasaran potensi.

Kenapakah penting untuk tidak membantu pesaing?

Anda tidak boleh bekerja dengan organisasi yang bersaing dengan Kumpulan Nitto Denko kerana ia akan membahagikan ketaatan anda di antara Kumpulan Nitto Denko dan organisasi tersebut.

Sekiranya anda ada sebarang pertanyaan sila hubungi kakitangan di Saluran Komunikasi.



Menggunakan maklumat dalaman dan perdagangan orang dalam

Semasa bekerja dengan Kumpulan Nitto Denko, anda mungkin mengetahui tentang maklumat mengenai Kumpulan Nitto Denko atau syarikat lain yang masih tidak diketahui umum. Penggunaan maklumat yang tidak diumumkan kepada pihak awam ataupun maklumat dalaman tentang Kumpulan Nitto Denko atau syarikat lain untuk kepentingan kewangan persendirian anda atau kepentingan lain adalah dilarang.

Kenapakah penting untuk tidak menggunakan maklumat dalaman?

Penggunaan maklumat dalam secara tidak wajar adalah tidak beretika dan mungkin menyalahi undang-undang.

Mencabuli undang-undang mungkin menyebabkan hukuman sivil dan jenayah, termasuk denda dan hukuman penjara.

**Penglibatan dalam Aktiviti Politik**

Kumpulan Nitto Denko menghormati hak kakitangan untuk menjadi pengundi termaklum dan menjadi rakyat biasa yang bertanggungjawab terhadap masyarakat.

Kumpulan Nitto Denko, sebagai sebuah syarikat, akan sentiasa berkecuali dari segi politik pada setiap waktu.

Apakah yang perlu anda berhati-hati ketika melakukan aktiviti politik sebagai individu biasa?

Anda tidak boleh membuat sebarang sumbangan menggunakan dana syarikat, harta atau perkhidmatan kepada sebarang calon atau parti politik.

Anda sebagai kakitangan Kumpulan Nitto Denko tidak boleh mendesak atau meminta kakitangan lain untuk membuat sumbangan politik atau mengambil bahagian dalam menyokong calon atau parti politik.

Anda harus mematuhi undang-undang berkaitan yang mengawal penglibatan dalam urusan politik. Ini termasuklah sumbangan kepada parti politik, jawatankuasa politik kebangsaan dan calon individu.

Seseorang yang Rapat Dengan Anda Bekerja di dalam Industri

Dengan pertumbuhan keluarga dengan dua kerjaya dan perkembangan industri, anda mungkin menghadapi situasi pasangan anda, pasangan domestik atau seseorang yang anda rapat menjadi pesaing atau pembekal kepada Kumpulan Nitto Denko ataupun bekerja dengan pesaing atau pembekal kepada Kumpulan Nitto Denko.

Walaupun setiap individu berhak untuk memilih dan mengejar kerjaya, kita harus menangani perkara ini secara berhati-hati untuk memastikan keselamatan dan kerahsiaan dalam perniagaan.

Kenapa perlu peka terhadap hubungan seperti ini?

Hubungan yang rapat ini mungkin akan membuatkan anda secara tidak sengaja menjejaskan kepentingan Kumpulan Nitto Denko.

Sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan mengenai situasi anda, sila hubungi kakitangan di Saluran Komunikasi bagi perbincangan yang lebih lanjut.




Sekiranya anda mengetahui tentang atau mempunyai pertanyaan mengenai sebarang perbuatan yang bertentangan dengan Garis Panduan ini, anda seharusnya dengan segera menghubungi kakitangan di Saluran Komunikasi. Anda hendaklah sentiasa menghubungi kakitangan di Saluran Komunikasi melainkan terdapat garis panduan yang menetapkan peraturan sebaliknya.

1. Menghubungi pengurus anda adalah merupakan permulaan yang baik.
2. Atau, anda boleh menghubungi bahagian Sumber Manusia atau bahagian/jabatan Hal Ehwal Umum di organisasi tempatan atau syarikat anda.
3. Atau, anda boleh menghubungi jabatan/bahagian yang berkaitan di sektor korporat.



Sekiranya anda menyedari sebarang tindakan yang menyalahi undang-undang atau tidak beretika yang mungkin memberi kesan mendalam kepada Kumpulan Nitto Denko, sila laporkan perkara tersebut ke alamat yang tertera di bawah.



Anda tidak akan dihukum atau dilayan secara tidak adil kerana melaporkan maklumat yang anda rasakan perlu dilaporkan. Kumpulan Nitto Denko tidak membenarkan sebarang jenis ugutan atau tindakan balas dibuat terhadap si pengadu.

Garis Panduan Pengendalian Perniagaan Kumpulan Nitto Denko

Penerbitan edisi pertama: Julai 2006

Penerbitan edisi semakan: Mac 2011

Dikeluarkan oleh: Pengerusi Jawatankuasa CSR

